

Bahan asal dari Arab
Negara Malaysia

Musa: Pulih Buku Merah

SEGAMAT, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah mengarahkan Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan Daerah di seluruh negara supaya berpegang kepada matalamat asal mereka seperti tercatat dalam 'Buku Merah'.

Beliau berkata, Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri sedang menyemak sistem Buku Merah dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Bercakap kepada para pemberita selepas mendengar taklimat di Pejabat Daerah di sini, Datuk Musa berkata, beliau tidak puas hati dengan perjalanan setengah-setengah Pejabat Daerah.

Katanya, kebanyakan Jawatankuasa Tindakan Daerah telah menyeweng dari matalamat asal mereka dan menjalankan terlalu banyak fungsi di luar bidang mereka.

Beliau kesal beberapa jawatankuasa tersebut telah bertukar menjadi 'Kelab Perbualan' untuk ketua-ketua jabatan di peringkat daerah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jawatankuasa tersebut harus menjalankan kegiatannya secara perniagaan dan mengeneppikan 'pita merah'.

Mengesan

Beliau berkata, Jawatankuasa-jawatankuasa Tindakan Daerah harus mengesan masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan projek-projek dan mengatasinya dengan serta-merta.

Menurut Datuk Musa, Konsep Buku Merah, yang diasaskan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak akan dihidupkan semula dalam pelaksanaan projek pembangunan.

Beliau menambah, pembangunan keseluruhan negara ini bergantung kepada pelaksanaan di peringkat daerah.

Beliau berkata, beliau akan melawat seberapa banyak daerah yang da-

pat dan meninjau sendiri pembangunan daerah-daerah tersebut.

Datuk Musa, yang sedang dalam lawatan sehari ke sini berkata, beliau memilih Segamat sebagai daerah pertama kerana beliau ialah Ahli Parlimen Labis yang juga merangkumi Segamat.

Terdahulu dari itu, Timbalan Perdana Menteri diberi taklimat tentang kemajuan program-program di daerah tersebut.

Katanya, projek bekalan air Segamat berharga \$8 juta sedang disiapkan dan dijangka dapat meningkatkan bekalan air dari 2.3 juta gelen sehari kepada 5.8 gelen.

Bekalan elektrik juga sedang ditambah melalui pelaksanaan projek berharga \$5.9 juta meliputi Felda dan lain-lain kawasan di Segamat.

Datuk Musa memberitahu, sebuah hospital baru berharga \$45.5 juta sedang dibina di sini.

Menurutnya, hospital tersebut yang akan mempunyai 400 katil, siap menjelang permulaan Rancangan Malaysia Kelima.

Mustaffa Mohd calon BN Sri Gading

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memutuskan bekas Setiausaha Politik, Tun Hussein Onn, Encik Mustaffa Mohamad dipilih sebagai calon Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen Sri Gading pada 26 September ini.

Sumber-sumber yang mengetahui berkata, keputusan tersebut telah pun diberitahu kepada Encik Mustaffa.